



KEW.PA-27

No. Sebutharga : **FAMA/PELUPUSAN 05/2023**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
Pejabat FAMA Negeri Sarawak
Medan Niaga Satok
Lot 13636, Seksyen 65, KTLD Jalan Matang
93050 Kuching Sarawak

1. Tawaran adalah dipelawa dari **syarikat** atau **orang perseorangan** yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL	NOMBOR DAFTAR	JENIS MODEL	JENIS KENDERAAN (Berat & Muatan - BDM/KG)	LOKASI	TAHUN BELI	NILAI RIZAB (RM)
1	WTJ 3357	HONDA C100CM	MOTOSIKAL 3 RODA	FAMA SAMARAHAN	2009	1,500.00
2	WTK 4250	HONDA C100CM	MOTOSIKAL 3 RODA	FAMA SAMARAHAN	2010	1,500.00
3	WVF 6418	HONDA C100CM	MOTOSIKAL 3 RODA	FAMA SAMARAHAN	2011	1,500.00

2. Aset boleh dilihat pada **13 Mac 2023 (Isnin) hingga 21 Mac 2023 (Selasa) hari bekerja** di antara jam **8.30 pagi hingga 4.30 petang** di lokasi yang berkaitan.
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (**KEW.PA 28**) yang boleh didapati secara percuma pada waktu pejabat di **Pejabat FAMA Negeri Sarawak, Medan Niaga Satok, Lot 13636, Seksyen 65, KTLD Jalan Matang, 93050 Kuching Sarawak** dan laman web FAMA di alamat <http://www.fama.gov.my> .Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari. Butir-butir lanjut boleh didapati melalui No. Telefon **082-422578** sambungan **Unit Pentadbiran dan Unit Pengurusan Kenderaan (UPK)**.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri (gam) dan ditanda No. Sebutharga **FAMA/PELUPUSAN 05/2023** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:-

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
Pejabat FAMA Negeri Sarawak
Medan Niaga Satok
Lot 13636, Seksyen 65, KTLD Jalan Matang
93050 Kuching Sarawak.

5. **Tarikh tutup** sebutharga pada **21 Mac 2023 (Selasa) jam 12.00** tengahari. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAMLI BIN MAT SANI)

Pengarah FAMA Negeri Sarawak

b.p. : Ketua Pengarah

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga rizab.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam draf bank sahaja atas nama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.
3. Wang Proses sebanyak **RM50.00** adalah diwajibkan dan tidak akan dikembalikan.
4. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.

9. Pembeli yang berjaya hendaklah menyelesaikan proses tukar hak milik dan mengambil aset dalam tempoh 14 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.
10. Bagi penyebutharga yang tidak berjaya, wang deposit akan dikembalikan.
11. Lembaga tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang tertinggi ataupun sebarang tawaran sebutharga.
12. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat **berlakri (gam)** dan ditanda No. Sebutharga **FAMA/PELUPUSAN 05/2023** di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.
13. Urus Setia Pelupusan **TIDAK DIBENARKAN** menyertai sebutharga kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak.



KEW. PA-28

BORANG SEBUTHARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Nama Individu/Syarikat : _____

No. Kad Pengenalan/Pendaftaran Syarikat : _____

Alamat:

Kepada:

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Pejabat FAMA Negeri Johor

Lot 6313, Jalan Taruka Off Jalan Datin Halimah,

Peti Surat 25,

80700 Johor Bahru.

Tuan,

Tawaran Untuk Sebutharga FAMA/PELUPUSAN 05/2023

Merujuk kepada perkara di atas, saya/syarikat berminat menyertai sebutharga tersebut.

2. Tawaran saya/syarikat adalah seperti berikut:

BIL.	NOMBOR DAFTAR	JENIS MODEL	JENIS KENDERAAN (BDM/KG)	LOKASI	HARGA RIZAB (RM)	HARGA TAWARAN (RM)	DEPOSIT (RM)
1	WTJ 3357	HONDA C100CM	MOTOSIKAL 3 RODA	FAMA SAMARAHAN	1,500.00		
2	WTK 4250	HONDA C100CM	MOTOSIKAL 3 RODA	FAMA SAMARAHAN	1,500.00		
3	WVF 6418	HONDA C100CM	MOTOSIKAL 3 RODA	FAMA SAMARAHAN	1,500.00		

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebutharga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM_____ (Ringgit Malaysia _____) dan wang proses sebanyak RM 50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja) dalam bentuk kiriman draf bank no. _____ atas nama **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.**

4. Saya/syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan _____

Nama/Cop Syarikat _____

No. Telefon _____

E-Mel _____

Nama Bank _____

No. Akaun _____

Alamat _____

Tarikh _____